



JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Aras 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu
 Jalan UMS, Teluk Likas
 Beg Berkunci 2057, 88999 Kota Kinabalu
 SABAH, MALAYSIA
 Tel.: 088-368900
 Faks.: 088-215116
 Laman web: jpkn.sabah.gov.my



Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLD.2 (63)

Tarikh : 04 Januari 2023

SEMUA KETUA PENOLONG PENGARAH/KETUA CAWANGAN/KETUA KSIT

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING DALAMAN JPKN BIL.1/2023 LANGKAH UNTUK MENGATASI KEBERHUTANGAN BERAT DI KALANGAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas dan surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil.14 Tahun 2010 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri untuk mengatasi keberhutangan berat di kalangan anggota perkhidmatan awam, satu pekeling telah dikeluarkan bagi melaksanakan kawalan terhadap masalah hutang berat di kalangan anggota perkhidmatan awam.

3. Pekeling ini menggariskan beberapa syarat permohonan pinjaman peribadi kakitangan mengikut ketetapan berikut:

- 3.1 Potongan gaji keseluruhan termasuk bayaran balik pinjaman tersebut hendaklah tidak melebihi 60% (enam puluh peratus) daripada gaji kasarnya; dan
- 3.2 Gaji bersih pegawai yang meminjam tersebut hendaklah tidak kurang daripada 40% (empat puluh peratus) dari gaji kasarnya tertakluk kepada minima **minima RM1,200.00 sebulan**; atau
- 3.3 Tempoh perkhidmatan selama **sekurang-kurangnya tiga (3) tahun bagi lantikan baharu**, manakala pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun ke atas. Sebarang permohonan individu yang tidak mencukupi tempoh perkhidmatan hendaklah mengemukakan justifikasi kukuh.


...2/



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
 CERT. NO. : QMS 03787



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
 CERT. NO. : ISMS 00125



“SABAH MAJU JAYA”

Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLD.2 (63)
Tarikh : 04 Januari 2023

4. Selain itu, permohonan pinjaman yang dibenarkan adalah seperti berikut:
- 4.1 Membina, membeli dan membaik pulih rumah adalah tertakluk kepada Perkara 10, Dasar Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan, Pekeliling Kementerian Kewangan Bil: KEW (S)500-4/1/Klt.5/ bertarikh 2 April 2008.
 - 4.2 Menebus dan mengurangkan baki pinjaman sedia ada;
 - 4.3 Membiayai Skim Pinjaman Kenderaan seperti Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil.4/1997;
 - 4.4 Membiayai pendidikan isteri/suami/anak-anak; dan
 - 4.5 Membiayai kos rawatan perubatan isteri/suami/anak-anak.
5. Pekeliling ini juga turut menggariskan mana-mana pegawai yang tidak melaporkan atau lengah melaporkan keberhutangan kewangannya yang berat adalah melakukan suatu pelanggaran tata tertib dan boleh dikenakan tindakan tata tertib merujuk kepada Peraturan 217 (5) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah Tahun 2008.
6. Sehubungan itu, semua permohonan pinjaman hendaklah dikemukakan kepada **Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN)** beserta **Lampiran A: Surat Akuan Permohonan Pembiayaan Peribadi**. Satu sesi temuduga ringkas akan dijalankan oleh Pengarah, Timbalan Pengarah JPKN atau Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran & Pengurusan sebelum permohonan tersebut dipertimbangkan.

Sekian dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PROFESIONALISME TERAS KEUNGGULAN”


(ERNYWATI DEWL BINTI ABAS)
Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

PIA/tes

“SABAH MAJU JAYA”

Kepada :

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 7, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan UMS, Teluk Likas
KOTA KINABALU

Puan,

SURAT AKUAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN PERIBADI

Saya _____ No. K/P: _____
mengesahkan bahawa:

(Tandakan (/) pada (1) satu pilihan sahaja)

	Saya tidak pernah mengambil apa-apa pinjaman dari mana-mana institusi/tabung pendidikan.
	Saya ada mengambil pinjaman peribadi daripada _____ mulai tarikh _____ hingga _____ sebanyak RM _____ dan saya sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui *potongan gaji/tunai mulai tarikh _____.
	Saya ada mengambil pinjaman peribadi daripada _____ mulai tarikh _____ hingga _____ sebanyak RM _____ dan saya telah pun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada _____.

**potong yang tidak berkenaan*

PERAKUAN

1. Saya mengaku dan mengesahkan telah membuat semakan dengan institusi pinjaman dan **bebas** daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar.
2. Saya mengaku bahawa pengisytiharan di atas adalah **benar**. Sekiranya didapati tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang tertakluk di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 atau peraturan lain yang sedang berkuatkuasa.

(Tandatangan)

Nama :
Jawatan :
Tarikh :

“SABAH MAJU JAYA”